



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“BIJAK MEMANFAAT PELUANG”

Tarikh Dibaca :

17 ZULHIJJAH 1441H/

7 OGOS 2020

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدُوا بِمَا آتَاكُمْ اللَّهُ مِنَ الْمَالِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“BIJAK MEMANFAAT PELUANG”

7 Ogos 2020M/ 17 Zulhijjah 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تَفْلِحُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٢٨﴾ وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَى مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا

خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾ البقرة

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk “**Bijak Memanfaat Peluang**”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kita masih lagi berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Kita juga telah menjalankan norma baharu dalam kehidupan ini sama ada di rumah, di tempat kerja, ataupun di tempat-tempat awam termasuklah di masjid. Sejak awal arahan Perintah Kawalan Pergerakan, pelbagai inisiatif dan bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan bagi membantu kita menghadapi pandemik wabak Covid-19 ini. Wabak ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan kita bahkan ia telah menjejaskan hampir seluruh urusan kehidupan kita. Itulah ujian yang sedang kita lalui pada waktu ini. Bersabarlah, dan teruskan dengan kawalan sendiri. Janganlah pula kita bersikap sambil lewa.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Dari segi ekonomi pula, wabak ini nyata telah memberi kesan yang sangat besar kepada sumber pendapatan isi rumah. Antara inisiatif kerajaan dalam membantu kita menghadapi wabak ini ialah dengan pemberian moratorium atau penangguhan pembayaran ansuran selama enam bulan yang bertujuan untuk meringankan beban kewangan rakyat. Langkah yang dibuat ini bertepatan dengan maksud firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 280: *“Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak)”*. Menjadi tanggungjawab kepada kita untuk menguruskan hal kewangan dan harta dengan baik, terutamanya dalam soal pengurusan hutang dan pembiayaan. Persediaan awal perlu dilakukan bagi memudahkan kita melunaskan hutang dan membayar balik

pembiayaan yang telah kita ambil. Berundinglah dengan pihak bank bagi mendapatkan persetujuan bersama sekiranya keadaan kewangan semasa tidak mengizinkan untuk menyambung semula bayaran ansuran seperti biasa. Langkah ini akan memudahkan urusan kita dan pihak bank pada masa hadapan. Dalam tempoh moratorium yang diberikan ini juga, janganlah kita bersikap sambil lewa dan mengambil kesempatan untuk bermewah-mewah. Bagi mereka yang tiada kekangan kewangan, segeralah lunaskan segala hutang. Sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah SAW:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

Mafhumnya: “Melewat-lewatkan bagi orang yang berkemampuan daripada menunaikan hak (membayar hutang) adalah zalim” (Hadis riwayat al-Bukhari)

Beberapa langkah persediaan boleh dibuat sebagai persediaan dalam tempoh moratorium ini;

- i. Rancang dan atur semula kedudukan kewangan dan perbelanjaan untuk keperluan harian.
- ii. Dapatkan maklumat dari pihak bank bagi menyemak ansuran hutang yang tertangguh.
- iii. Bincang dengan pihak bank tentang pelan bayaran bersesuaian dengan kemampuan masing-masing.
- iv. Boleh juga dapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi individu dan Skim Resolusi Hutang Kecil bagi PKS.

Hutang, jika dibayar akan menyebabkan hidup kita lebih tenang. Dalam masa yang sama, pihak yang memberi hutang juga akan dapat memanfaatkan wang yang dibayar dalam usaha memulihkan ekonomi Negara ini. Sikap berdisiplin untuk melunaskan tanggungjawab hutang merupakan sikap yang disukai Allah dan dijanjikan untuk memperoleh bantuan daripada-Nya. Ia juga mempunyai impak positif bukan setakat kepada individu, namun kepada masyarakat dan ekonomi negara secara keseluruhannya. Justeru, rancanglah dengan baik kewangan masing-masing dalam tempoh moratorium yang telah diberikan ini. Semoga dengan perancangan yang baik itu, akan dapat mengelakkan kita semua daripada terjebak dengan masalah lain yang lebih besar. Mudah-mudahan Allah SWT mempermudah urusan kita semua. Insya-Allah.

Firman Allah SWT:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهَنَّ مَقْبُوضَةً فَإِنْ أَمِنَ بَعْضُكُم بَعْضًا فَلْيُؤَدِّ

الَّذِي أُوتِيَ مِنْ أَمْنَتِهِ وَلِيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا تَكْتُمُوا الشَّهَادَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ عَانِمٌ قَلْبُهُ وَ

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨٣﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu berada dalam musafir sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang. Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang, maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya dia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan ingatlah, Allah sentiasa mengetahui apa yang kamu kerjakan”
(Surah al-Baqarah ayat 283)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَّا مُوَلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَّا مُوَلِيَا سِرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَندَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ اعْرِضْ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ (٩٠)

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .